
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

PLG 556 - Penilaian Individu

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

ARAHAN

Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja.

Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja.

1. Beri definisi ujian psikologi dan kemukakan kriteria-kriteria yang patut dipertimbangkan semasa anda memilih ujian psikologi. Terangkan kegunaan ujian psikologi bagi seorang kaunselor.

(25 markah)

2. Pilih satu inventori psikologi yang anda telah pelajari dan bincangkan kegunaan inventori, item/kategori, prosedur dan interpretasi ujian tersebut. Mengapa anda memilih ujian ini dalam khidmat kaunseling?

(25 markah)

3. Apakah yang dimaksudkan dengan personaliti, minat, kemahiran dan nilai? Mengapa aspek-aspek ini penting untuk membimbing klien ke arah bidang kerjaya tertentu?

Bincangkan bagaimana kaunselor menguji empat aspek ini dan mengaitkannya dengan bidang kerjaya dalam kaunseling kerjaya.

(25 markah)

4. Terdapat pelbagai teknik mentadbirkan ujian psikologi. Bincangkan setiap teknik tersebut dan kegunaannya bagi seorang kaunselor untuk membantu klien.

(25 markah)

5. Bincangkan kod etika yang harus dipegang dan isu-isu etika yang kaunselor hadapi semasa mengurus ujian psikologi dan menjalankan perundingan.

(25 markah)

6. Terangkan maklumat yang harus dicatat dalam laporan ujian psikologi yang hendak disampaikan kepada klien. Tulis satu contoh laporan tersebut.

(25 markah)